


TEMU DUGA TERBUKA



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk menghadiri temu duga terbuka seperti maklumat yang berikut:

1. **JAWATAN** : Pekerja Sambilan Harian
- Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- Penempatan : DBP Ibu Pejabat dan DBP Hulu Kelang
- Butiran :

Kelayakan Akademik	Jumlah Kekosongan	Kadar Upah (RM/Sehari)
Sijil Pelajaran Malaysia	19	54.00
Diploma	1	72.00

2. SYARAT LANTIKAN

2.1 Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

Kelayakan Akademik	Syarat Lantikan
Sijil Pelajaran Malaysia	Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
Diploma	Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan dari institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

2.2 Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. MAKLUMAT-MAKLUMAT LAIN

3.1 Temu duga terbuka akan diadakan pada ketetapan seperti yang berikut:

	Kelayakan Akademik	
	Sijil Pelajaran Malaysia	Diploma
Tarikh	17 Oktober 2019 (Khamis)	
Masa	8.30 pagi - 2.00 petang	
Tempat	Bilik Mesyuarat Tun Perak, Aras 29, Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.	Bilik Mesyuarat Munsyi Abdullah, Aras 29, Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.

- 3.2 Calon yang berminat perlu mengisi **Borang Permohonan Jawatan Pekerja Sambilan Harian Borang PSM:2/2019**. Borang boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang DBP, <http://lamanweb.dbp.gov.my>. Borang yang telah diisi dengan lengkap perlu dibawa semasa temu duga.
- 3.3 Calon juga perlu membawa **sijil asal dan salinan** dokumen seperti yang berikut:
- (a) Kad Pengenalan
 - (b) Diploma dan transkrip (bagi kelayakan akademik Diploma sahaja)
 - (c) Sijil Pelajaran Malaysia
 - (d) Gambar berukuran pasport
 - (e) Sijil Kokurikulum
- 3.4 Sekiranya calon tidak membawa borang permohonan, sijil asal dan salinan dokumen seperti di para 3.2 dan 3.3, calon **tidak dibenarkan** untuk ditemu duga.
- 3.5 Calon **wajib** berpakaian kemas semasa menghadiri temu duga.
- 3.6 Calon yang tidak menerima jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** selepas tarikh temu duga ini dianggap **tidak berjaya**. Segala keputusan dalam urusan ini **muktamad**.